



جَابْتَنْ إِسْلَامِ سُلَانْجُورِ

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600
Faks : 03-5510 3368
Laman Web : www.jais.gov.my
Emel : info@jais.gov.my



JAI.SEL.BPM/01/006/1 jld.2 (54)

27 Syawwal 1441H

Jun 2020M

الشَّهَادَةُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Semua Pengurus Masjid Daerah Negeri Selangor

Semua Pengurus Masjid Diraja Negeri Selangor

Semua Pengurus Masjid Pengurusan Negeri Selangor

Semua Nazir Masjid Kariah Negeri Selangor

YBhg. Dato'/ Tuan/Puan,

KEBENARAN MENZIARAHİ MAKAM DIRAJA DAN TANAH PERKUBURAN ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

Dengan segala hormatnya surat JAI.SEL.BPM/01/006/2. JLD.2 (32) berhubung perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana dimaklumi sebelum ini, amalan menziarahi Makam Diraja dan Tanah Perkuburan Islam adalah dihadkan pada jumlah yang minima khususnya kepada keluarga terdekat berkuatkuasa dari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 17 Mac 2020. Larangan tersebut berlanjutan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berakhir pada 9 Jun 2020 termasuk semasa Hari Raya Eidulfitri yang lalu.

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Tuan/Puan, berdasarkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang memberi sedikit kelonggaran pergerakan sosial serta aktiviti ekonomi, maka jabatan ini ingin memaklumkan bahawa menziarahi Makam Diraja dan Tanah Perkuburan Islam yang sebelum ini menjadi larangan adalah dibenarkan berdasarkan pematuhan kawalan seperti berikut:

3.1 Mana-mana individu yang hadir hendaklah membuat kawalan kendiri seperti menjaga penjarakan sosial, menggunakan penutup mulut dan hidung (face mask), sentiasa mencuci tangan menggunakan *hand sanitizer* atau sabun, mengambil berat aspek kebersihan semasa berada di tanah perkuburan dan tidak berjabat tangan (bersalaman).

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



MS ISO 9001:2008
REG.NO.AR 3263


- 3.2 Pegawai masjid dan surau di Negeri Selangor hendaklah sentiasa memberi nasihat kepada ahli kariah masjid dan surau berkenaan agar masih menghadkan kehadiran mengiringi jenazah ke kubur pada jumlah bilangan jemaah yang terhad, tidak terlalu ramai yang boleh mewujudkan persekitaran yang sesak dan mengganggu proses penjarakkan sosial serta menyebabkan sentuhan berlaku.
4. Jabatan ini amat mengharapkan kerjasama daripada YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua ahli kariah dan mengambil perhatian terhadap langkah-langkah berterusan dalam mengekang penyebaran wabak.

Segala kerjasama dan perhatian dari YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan terhadap perkara diucapkan jutaan terima kasih.

Sekian dimaklumkan, wassalam.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD) S.M.S, P.P.T
Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor.

Salinan Kepada:

1. Y.A.D Dato' Setia Hj Mohammed Khusrin Bin Hj Munawi
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor
2. S.S. Dato' Setia Hj. Mohd Tamyes Bin Abdul Wahid
Mufti Negeri Selangor
3. Y.D.H CP Dato' Noor Azam Bin Jamaluddin
Ketua Polis Negeri Selangor

**KEBENARAN MENZIARAHİ MAKAM DIRAJA DAN TANAH PERKUBURAN ISLAM
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Salinan Kepada:

4. YBhg. Dr. Ahmad Shahir Bin Makhtar
Setiausaha, Majlis Agama Islam Selangor
5. YBhg. En Muhamad Nazri Bin Mohd Amin
Timbalan Pengarah, Majlis Keselamatan Negara, Negeri Selangor
6. Semua YDH Orang Besar Daerah
7. Semua A.F Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah
8. Pejabat Timbalan Pengarah Operasi
9. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan JAIS
10. Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah Alam
11. Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya
12. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya
13. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang
14. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Klang
15. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang
16. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya
17. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Sepang
18. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Langat
19. Yang Dipertua, Majlis Daerah Hulu Selangor
20. Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Selangor
21. Yang Dipertua, Majlis Daerah Sabak Bernam